


Riadah JHEPA



Badan yang sihat akan menyumbangkan kepada prestasi kerja yang baik. Oleh yang demikian, Kelab Riadah JHEPA telah menjalankan pelbagai aktiviti riadahnya sepanjang tahun 2009 dengan aktiviti-aktiviti sukan serta aktiviti santai. Aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab Riadah ini adalah merupakan wadah dan juga ruang untuk setiap staf menunjukkan bakat terpendam yang dimiliki sekian lama serta dapat merapatkan silaturrahim antara staf JHEPA.

Selain itu, Kelab Riadah juga turut meraikan ulangtahun kelahiran staf, meraikan perkahwinan staf JHEPA serta turut meraikan kehadiran cahatamata baru staf JHEPA. Di masa akan datang, Kelab Riadah JHEPA merancang untuk mengadakan lebih banyak aktiviti seperti perlawanan persahabatan dengan jabatan-jabatan lain agar dapat mewujudkan keakraban antara staf walaupun daripada jabatan yang berasingan. Oleh itu, bersama-sama kita memeriahkan aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab Riadah JHEPA pada masa akan datang.